

PANDUAN PELANTIKAN DAN TANGGONGJAWAB PEMERIKSA

Syarat

- i. Pemeriksa dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi.
- ii. Pemeriksa bagi calon sarjana, mestilah sekurang-kurangnya memiliki ijazah doktoral atau berpangkat Prof. Madya.
- iii. Salah seorang pemeriksa bagi calon sarjana, hendaklah berpangkat Prof. Madya.
- iv. Pemeriksa bagi calon doktoral, pemeriksa mestilah memiliki ijazah doktoral. Beliau juga perlu berpangkat Prof. Madya melainkan dapat disahkan tiada pakar dalam bidang berkenaan berpangkat Prof. Madya.
- v. Jika penyelia ialah seorang professor, sekurang-kurangnya salah seorang pemeriksa hendaklah juga seorang professor melainkan dapat disahkan tiada pakar yang memenuhi syarat tersebut.
- vi. Pemeriksa hendaklah dari IPT.
- vii. Pemeriksa dari institusi penyelidikan boleh dilantik jika beliau mempunyai rekod perkhidmatan sebagai ahli akademik di IPT.
- viii. Pemeriksa luar dari rantau ASEAN boleh dilantik dan ditanggung oleh SPS.
- ix. Pemeriksa luar dari luar rantau ASEAN boleh dilantik tetapi TIDAK ditanggung oleh SPS. Ini boleh dilakukan dengan perancangan fakulti seperti melantik sebagai Professor Pelawat dan sebagainya.
- x. Pemeriksa tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan calon mahupun dengan penyelia.
- xi. Pemeriksa tidak terlibat dan mempunyai kepentingan dengan kajian tesis yang dinilai.
- xii. Staf UTM yang dipinjam ke organisasi lain boleh dilantik sebagai pemeriksa dalam.

Pencalonan

- i. Penyelia mencalon sekurang-kurangnya dua nama pemeriksa luar dan tiga nama calon pemeriksa dalam dengan memenuhi borang Notis Menghantar Tesis dan dihantar kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti. (JKPSF).
- ii. Jika calon yang dikemukakan oleh penyelia tidak sesuai, JKPSF boleh mencadang dan memperaku calon lain yang layak dan sesuai berserta justifikasinya dengan memaklumkan kepada penyelia.
- iii. CV terkini calon pemeriksa luar mestilah disertakan.
- iv. Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti akan memperaku pemeriksa dan diajukan ke SPS.
- v. SPS akan membawa pencalonan pemeriksa ke mesyuarat JAPSU.
- vi. JAPSU akan melulus nama yang diperakukan oleh JKPSF atau menggantikan nama lain dengan mengambilkira kepentingan semua pihak.

Perlantikan

- i. Bagi calon doktoral SPS akan membuat surat lantikan sebagai pemeriksa selepas diluluskan oleh JAPSU.
- ii. Bagi calon sarjana fakulti akan membuat surat lantikan sebagai pemeriksa selepas kelulusan JAPSU.
- iii. Pemeriksa luar diberi masa dua minggu untuk mengesahkan penerimaan sebagai pemeriksa.
- iv. Pemeriksa dalam tidak boleh menolak perlantikan kecuali ada sebab-sebab munasabah.
- v. Bagi calon doktoral, jika pemeriksa menolak lantikan, SPS akan menghubungi fakulti untuk mendapatkan calon pengganti. Jika calon berkenaan adalah dari senarai nama yang dikemukakan bersama borang Notis Menghantar Tesis lantikan akan terus dibuat, jika nama

- baru yang diberi, ini perlu dibawa semula untuk mendapat kelulusan JAPSU.
- vi. Bagi calon sarjana, jika pemeriksa menolak lantikan, fakulti boleh terus melantik pemeriksa dari senarai nama yang dikemukakan bersama borang Notis Menghantar Tesis, jika nama baru yang hendak dilantik, ini perlu dibawa semula ke JAPSU untuk mendapat kelulusan.

Tanggungjawab Pemeriksa

- i. Membaca dan membuat penilaian terhadap mutu tesis yang dikemukakan untuk tujuan penganugerahan.
- ii. Penilaian hendaklah dibuat menggunakan borang yang disediakan.
- iii. Mengembalikan borang penilaian kepada SPS bagi calon doktoral atau fakulti bagi calon sarjana dalam tempoh enam minggu dari tarikh surat.
- iv. Pemeriksa dalam dikehendaki hadir pada sesi peperiksaan lisan bagi calon sarjana dan doktoral.
- v. Pemeriksa luar dikehendaki hadir pada sesi peperiksaan lisan bagi calon doktoral.
- vi. Bagi calon sarjana, pemeriksa luar tidak perlu hadir pada sesi peperiksaan lisan kecuali jika kehendaki. Pemeriksa luar dikehendaki hadir jika daripada laporan pemeriksa menunjukkan tesis ini bermasalah dan pelajar perlu mempertahankan tesisnya dihadapan kesemua pemeriksa bagi membolehkan keputusan bersama dibuat.
- vii. Membuat pengesahan pembetulan dalam masa dua minggu setelah tesis yang dibetulkan diserahkan oleh SPS jika telah diputuskan dalam peperiksaan lisan.